

Makalah / Article

**Kesedaran dan Amalan Kesopanan dalam Kalangan Remaja Malaysia:
Menilai Sumbangan Teori Kesopanan Brown Levinson**

**Awareness and the Practice of Politeness among Malaysian Youths: Assessing the Applicability
of Brown Levinson's Politeness Theory**

SITI HAJAR CHE MAN, MUNIR SHUAIB, RAZIF MUHD & SARJIT KAUR

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan perbincangan mengenai kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja. Secara amnya, korpus kajian ditumpukan kepada kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah Malaysia. Justeru kajian ini bersifat "pilot test". Oleh itu, kajian ini dapatlah dianggap sebagai titik asas permulaan kepada perbincangan yang bersifat holistik dalam kajian mendatang. Kaedah kajian yang menjadi asas perbincangan artikel ini ialah Teori Kesopanan (Politeness Theory) yang pernah diutarakan oleh Brown & Levinson (1987). Matlamat artikel ini juga adalah untuk memperkenalkan Teori Kesopanan, mencakupi definisi dan konsep, kaedah dan rangka dasar Teori Kesopanan, proses pembentukan teori dan aplikasi strategi kesopanan. Dalam masa yang sama, artikel ini turut mengambil kira elemen-elemen kesedaran dan kesopanan yang menjadi kata kunci dan dasar penting perbincangan. Memahami kata dasar kedua-dua elemen tersebut amatlah perlu untuk dalam usaha untuk menyelaras, menyesuaikan dan mencari keselarian antara budaya dan persekitaran setempat dengan teori dan model dari perspektif Barat. Hal ini amat penting diambil kira kerana kesedaran dan amalan itu adalah faktor utama mempengaruhi proses sahsiah diri dan sosialisasi. Rumusan artikel ini memperlihatkan keselarian Teori Kesopanan dengan budaya setempat yang akan menjadi satu alternatif kepada pelbagai pihak dalam usaha mengenal pasti dan menilai kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja.

Kata kunci: Teori kesopanan, remaja, amalan budaya, rasa kesedaran, nilai budaya

ABSTRACT

This paper discusses the relationship between awareness and politeness among Malaysian secondary school students with reference to initial findings gathered from a preliminary study involving the applicability of Brown Levinson's Politeness Theory (1987). It argues that this theory needs to be modified and restructured to be applicable to the Malaysian contexts. This is crucial given that religious and traditional moral values are an integral part of the Malaysian youths' way of life and should not be dislodged. They provide acceptable bearings on Malaysia's multiculturalism, and by implications, on the formation of the youths' self identity.

Keywords: Cultural practices, cultural values, politeness theory, sense of awareness, youth

PENGENALAN

Kesopanan adalah salah satu elemen penting dalam memperkatakan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia umumnya dan pelajar-pelajar sekolah amnya. Isu gejala sosial yang semakin menjadi-jadi dan ada waktunya berada di tahap kritikal memerlukan satu penyelesaian. Gejala sosial seringkali dikaitkan dengan maksud moral pelajar yang berani bertindak di luar batas-batas disiplin sebagai seorang pelajar. Fenomena semasa yang berlaku memperlihatkan kerakusan sikap mereka yang melampaui tahap keganasan yang amat dahsyat, berlaku amat menakutkan. Tindakan agresif

mereka bukan setakat mendera sesama kawan, membuli, lari dari sekolah, mencuri, bahkan sanggup membunuh. Tindakan ini seolah-olah memperlihatkan kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja sekolah semakin goyah bahkan kini berada di tahap kritikal. Justeru penulisan artikel ini berhasrat untuk meninjau dan mengenal pasti bagaimana situasi tersebut dapat dileraikan atau setidak-tidaknya dapat mengurangkan peratus gejala negatif ini dengan menggunakan alternatif teori kesopanan.

Pada dasarnya kajian ini selari dengan lima teras Misi Nasional. Daripada lima teras Misi Nasional itu, salah satunya ialah "meningkatkan keupayaan pengetahuan

dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama". Ini adalah teras kedua dalam Misi Nasional. Salah satu pengisian dalam teras ini adalah untuk memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral. Justeru, golongan remaja sebagai belia dianggap sebagai aset dan sumber berharga negara. Merekalah yang akan mewarisi pimpinan untuk meneruskan hala tuju kepimpinan negara di masa depan. Oleh yang demikian, salah satu kriteria yang perlu dipupuk ialah menyedarkan tentang kesedaran amalan kesopanan remaja sejak di bangku sekolah lagi.

Apakah yang dimaksudkan dengan kesopanan? Lazimnya kesopanan dikaitkan dengan nilai-nilai murni atau akhlak yang ada dalam diri seseorang. Dalam kajian yang dibuat oleh Mills (2003), kesopanan ialah ... *is the expression of the speakers' intention to mitigate face threats carried by certain face threatening acts toward another*. Berdasarkan hujahan Mills, kesopanan juga dapat dikatakan sebagai satu yang bersifat sejagat yang merujuk kepada setiap masyarakat itu mempunyai norma-norma meliputi sikap positif. Menurut *Kamus Dewan* pula [1997: 1299] kesopanan ialah, (1) perihal sopan (tingkah laku dan tutur kata), (2) adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku (tutur kata yang baik), dan (3) keadaban atau peradaban. Sibarani (2004) pula mendefinisikan "kesopanan sama dengan budi pekerti atau etiket iaitu tatacara adat atau kebiasaan yang berlaku dalam suatu masyarakat beradab untuk memelihara hubungan baik antara sesama manusia. Kesopanan merupakan aturan perilaku yang ditetapkan dan disepakati bersama oleh suatu masyarakat tertentu dalam perilaku sosial". Walau bagaimanapun sekiranya istilah kesopanan disamakan dengan konsep *politeness*, maka kajian ini boleh disandarkan kepada teori *politeness*.

TEORI KESOPANAN: ASAS PEMBENTUKAN

Teori kesopanan telah dikemukakan oleh Brown & Levinson pada tahun 1978 dan diubah suai pada tahun 1987 yang telah banyak diaplikasikan dalam pelbagai tempat untuk mengenal pasti sikap masyarakat. Dalam strategi kesopanan beliau telah membangunkan beberapa strategi dalam usaha untuk "menyelamatkan" air muka seseorang. Beliau berpendapat ... *face refers to the respect that an individual has for him or herself, and maintaining that 'self-esteem' in public or in private situations*. Kajian beliau telah menghasilkan *Face Threatening Acts* (FTA's) yang menjelaskan bahawa "acts that infringe on the hearer's need to maintain his/her self esteem, and be respected". Oleh yang demikian, strategi kesopanan telah dibina dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan teori FTA's ini. Beliau telah mengetengahkan empat strategi kesopanan iaitu (1) *bald on-record*, (2) *positive politeness*, (3) *negative politeness*, dan (4) *off-record*. Keempat-empat jenis model ini telah mengemukakan satu rumusan bahawa setiap seorang dalam masyarakat

itu mempunyai dua jenis air muka. Satunya adalah "negative face" yang merujuk kepada "the basic claim to territories, personal preservers, rights to non-distraction". Jenis yang kedua ialah "positive face" iaitu "the positive consistent self-image of personality". Keempat-empat jenis model ini memerlukan pertimbangan yang sama rata demi mendapatkan keseimbangan iaitu kedudukan kuasa, jarak kemasyarakatan dan juga kedudukan dalam masyarakat. Akan tetapi model Brown & Levinson ini telah mendapat kritikan dalam kalangan pengkaji-pengkaji kerana kajian beliau ini lebih tertumpu kepada masyarakat Barat khususnya di Amerika Syarikat yang banyak berlandaskan kepada "independence". Oleh yang demikian, modelnya ini sangat terhad untuk diaplikasikan dalam konteks Asia.

Sehubungan itu, ramai para pengkaji telah mengambil teori ini sebagai asas yang paling utama untuk mengkaji tahap kesopanan dalam kalangan masyarakat tertentu umpamanya di Asia. Salah satu kajian yang dihasilkan ialah Scollon & Scollon (1995). Mereka telah membuat pemerhatian kepada tiga sistem kesopanan yang disebut sebagai (1) *the deference politeness system* (2) *the solidarity politeness system* dan (3) *the hierarchical politeness system*. Dengan mengambil kira rangka kerja Brown & Levinson ini juga, Hobbs telah cuba membuat eksperimen dalam budaya spesifik untuk membuat kesahan tentang teori kesopanan dan kemudiannya telah membandingkan di antara gender dan juga kewarganegaraan. Demikian juga kajian yang dibuat oleh Gu (1990) telah dianggap sebagai kajian asas mengenai *politeness* di kalangan masyarakat Cina. Kajiannya bertajuk *Politeness Phenomena in Modern Chinese* (1990) yang memperkenalkan empat jenis kesopanan dalam kalangan masyarakat Cina yang menurut beliau sebagai sifat-sifat perwatakan yang sangat unik dalam budaya masyarakat Cina. Keempat-empat jenis kesopanan itu ialah (1) *self-denigration*, (2) *the address maxim*, (3) *the generosity maxim*, dan (4) *the tact maxim*. Manakala dalam kajiannya tentang pragmatik, Yule (1996) mencadangkan bahawa kesopanan dalam interaksi boleh didefinisikan sebagai satu cara untuk memelihara air muka seseorang dalam konteks hubungan keakraban antara individu. Kajian Yule ini juga hampir sama dengan pandangan yang dibuat oleh Locher (2004) dalam bukunya yang bertajuk *Power and Politeness in Action*.

Berdasarkan kepada kajian Brown & Levinson (1978 dan 1987), Scollon & Scollon (1995), Gu (1990), Hobbs (2003), Yule (1996) dan Locher (2004), penyelidikan yang telah dijalankan ini akan menggunakan beberapa bahan asas yang pernah dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut. Dengan menyedari akan hakikat mengenai masalah remaja Malaysia dan dengan mengambil kira pendapat-pendapat para pengkaji lepas, penyelidikan yang dijalankan ini merumuskan satu teori kesopanan baru khusus kepada remaja sekolah. Dalam konteks Malaysia, umumnya remaja berada

dalam lingkungan usia 13 – 20 tahun iaitu remaja yang berada di sekolah menengah hingga ke tingkatan 6 atas atau di maktab perguruan atau di tahun pertama universiti (Abdul Ahmad 1990). Takrifan ini sesuai sekali dengan makna *adolescent* yang terdapat dalam *Kamus Dwi-Bahasa* (1989: 21) yang merujuk pada belia yang berumur 13 – 20 tahun sepertimana ketetapan umur yang dilakukan oleh Cole & Nelson dalam buku mereka *Psychology of Adolescence* (1970). Oleh itu, kajian ini dapat dianggap sebagai satu kajian rintis yang akan memfokuskan kepada kesedaran dan amalan kesopanan di kalangan remaja, khususnya remaja di sekolah menengah atas Malaysia mencakupi remaja yang berumur di antara 16 hingga 19 tahun (tingkatan 4, 5, 6 rendah dan 6 atas). Kajian yang dilakukan ini lebih berdasarkan kepada fenomena semasa yang banyak tertumpu kepada masalah remaja khususnya ke arah memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan remaja.

Penjanaan teori kesopanan yang baru amat wajar dikenal pasti kerana konteks Malaysia amat berbeza dengan barat dan negara-negara Asia yang lain kerana persekitaran Malaysia dilingkungi dengan agama, budaya, ras dan bangsa yang bersifat majmuk. Justeru itu, teori-teori yang telah dikenal pasti tidak sesuai untuk dijadikan sebagai kaedah untuk membuat penyelidikan ini. Namun, penemuan-penemuan mereka dapat dijadikan asas kajian. Tumpuan kajian mencakupi faktor-faktor berikut iaitu [i] terdapat kurang kesedaran dan amalan sopan santun di kalangan remaja, [ii] Fenomena kompleks – “*multifaceted*”, [iii] Satu usaha kebangsaan mengamalkan sifat sopan santun di kalangan remaja dan [v] Nilai kesopanan meneguhkan peribadi, sahsiah dan menegakkan jati diri remaja Malaysia (KEKKWA 2005).

STRATEGI TEORI KESOPANAN

Brown dan Levinson telah melakar 4 jenis strategi amalan kesopanan : *bald on record*, *negative politeness*, *positive politeness*, dan *off-record* atau *indirect strategy*. Strategi ini dapat diperincikan seperti berikut:

Pertama, strategi *bald on record* (rakaman langsung) tidak membuat percubaan untuk meminimumkan ancaman kepada pendengar. Strategi ini kebanyakannya mempergunakan sepenuhnya oleh speaker (penemuramah) yang secara rapat mengenali khalayak. Dengan strategi *bald on record* ada kemungkinan secara langsung khalayak akan berasa terkejut ataupun segan dengan strategi ini. Contohnya, strategi *bald on record* mungkin memberitahu adik anda untuk “buat hidangan. Kini giliran awak.”

Strategi kedua ialah *positive politeness* (amalan kesopanan positif) dan strategi ini mencuba untuk meminimumkan reaksi positif di muka pendengar. Strategi ini secara umum digunakan dalam situasi di mana khalayak mengenali satu sama lain secara

tidak begitu rapat. Agak kerap perlindungan nilai dan percubaan untuk mengelak konflik digunakan. Contohnya, Strategi amalan kesopanan positif mungkin akan meminta “Hidangan ini akan menjadi yang terbaik jika anda buat untuk saya”.

Strategi ketiga ialah *negative politeness* (amalan kesopanan negatif) yang menganggap bahawa *speaker* akan mengenakan pendengar. Potensi untuk berasa janggal dan malu lebih tinggi daripada strategi *bald on record* dan strategi *positive politeness*. Reaksi muka negatif adalah keinginan untuk mengekalkan autonomi. Oleh itu, permintaan tanpa pertimbangan dari pendengar akan memberi reaksi muka negatif yang tidak selesa. “Saya perlu \$5” adalah janggal jika lima dolar adalah di luar kemampuan kewangan pendengar. Tetapi jika *speaker*, tahu pendengar ingin mengekalkan autonominya, hanya menambah “saya tahu kamu kekurangan tunai, tetapi boleh saya pinjam \$5?” Pendengar lebih rela memberi kerana cara permintaan yang menunjukkan rasa hormat terhadap kemampuan dan mengekalkan autonomi mereka.

Strategi keempat, amalan kesopanan yang terakhir yang dibawa oleh Brown dan Levinson ialah *indirect strategy* (strategi tidak langsung); Strategi ini menggunakan bahasa tidak langsung dan mengeluarkan *speaker* dari berpotensi untuk mengenakan pendengar. Contohnya, *speaker* yang menggunakan Strategi Tidak Langsung hanya akan berkata “wow, sini menjadi lebih sejuk” secara sindir/tidak langsung menyuruh pendengar untuk bangun dan membuka *thermostat* tanpa menyuruhnya secara langsung.

CADANGAN AWAL: APLIKASI TEORI KESOPANAN DALAM KALANGAN REMAJA

Berdasarkan strategi Teori Kesopanan ini, dapatlah dicadangkan beberapa langkah bagaimana aplikasi teori dapat diaplikasikan dalam suasana di Malaysia. Dalam hal ini Brown & Levinson turut mengemukakan beberapa contoh bagaimana sewajarnya beberapa situasi yang direka wajar ditangani berasaskan kepada empat strategi tersebut. Telitikan situasi ini: Umpamanya, dalam situasi yang pernah dialami. Apakah yang anda akan lakukan sekiranya anda melihat bekas berisi pen (alat tulis) di atas meja guru anda, dan dalam masa yang sama anda sangat-sangat memerlukan salah satu pen tersebut untuk menandatangani borang yang perlu dihantar segera setelah disemak oleh guru berkenaan. Adakah anda:

- anda berkata, “Oooh cikgu, saya hendak menggunakan salah satu pen itu!”
- anda berkata, “O.K tak cikgu, kalau saya menggunakan salah satu pen cikgu?”
- anda berkata, “Maafkan saya mengganggu cikgu, tetapi saya ingin meminta kebenaran sekiranya saya boleh gunakan salah satu pen cikgu tersebut?”

- d. anda berkata secara tersirat, “Hmm...saya pasti saya dapat gunakan pen berwarna hitam itu sekarang”.

Berdasarkan empat strategi seperti yang telah dibincangkan oleh Brown & Levinson, maka sekiranya anda (para remaja) memilih untuk:

1. sekiranya menjawab A – pemilihan ini disebut *Bald on record strategy* di mana situasi ini tidak membantu anda untuk berusaha mengurangkan rasa hormat kepada guru.
2. sekiranya menjawab B – pemilihan ini disebut *positive politeness*. Dalam situasi ini, seseorang remaja itu mengenali bahawa gurunya mempunyai keinginan untuk dihormati. Juga jelas membuktikan bahawa hubungan itu bersifat mesra dan ekspresi itu bertimbal balik.
3. Sekiranya menjawab C – pemilihan ini disebut *negative politeness* strategi yang agak selari dengan *positive politeness*, di mana seorang remaja itu sememangnya mengenali bahawa guru tersebut mahu dia dihormati. Akan tetapi dalam masa yang sama remaja berkenaan menjangkakan bahawa dalam situasi tersebut remaja seolah-olah menggunakan peluang untuk memujuk guru remaja, misalnya remaja tersebut menyatakan, “saya tak mahu mengganggu cikgu...” atau “saya agaklah cikgu...”
4. Sekiranya menjawab D – pemilihan ini disebut *Off-Record strategy*. Tujuannya ialah untuk memberi tekanan kepada remaja tersebut. Remaja berkenaan mencuba sedaya upaya untuk tidak mendesak kerana keperluan untuk mendapatkan pen amat terdesak. Walhal alangkah baiknya, sekiranya secara sedar bahawa remaja tersebut sebenarnya perlukan salah satu pen dan cikgu mempelawa kepada remaja itu tanpa meminta.

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian dan perbincangan awal mengenai teori kesopanan Brown & Levinson, jelaslah bahawa definisi sopan itu wajar menimbangkan suasana dan latar belakang budaya masyarakat setempat. Hal ini kerana teori kesopanan ini amat menekankan soal “face”. Justeru teori kesopanan ciptaan Brown & Levinson yang kerap diuji kaji oleh kalangan sarjana Barat dan Asia wajar diubahsuai, disaring, malah perlu distrukturkan kembali sekiranya hendak diuji di rantau alam Nusantara khususnya di Malaysia. Ini mustahak kerana keperluan suasana dan gaya kehidupan remaja di Malaysia amat mementingkan agama sebagai asas pembentukan sahsiah dan moral. Bahkan amalan masyarakat Malaysia yang sejak sekian lama sememangnya mengambil kira proses kemasyarakatan dan sosialisasi mencakupi soal

adab, sopan santun, budi bahasa, berhemah, hormat-menghormati dan bantu-membantu, sudah tentulah tidak boleh dipinggirkan dalam usaha untuk menstrukturkan semula teori kesopanan mengikut acuan remaja Malaysia. Apatah lagi pelaksanaan teori kesopanan ini perlu mengambil kira masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Faktor-faktor ini juga pastinya mempengaruhi kesan terhadap sejauh mana kesedaran dan amalan kesopanan yang terjana dalam kalangan remaja, seterusnya bersebuti dalam diri mereka untuk terus membina hakikat jati diri.

RUJUKAN

- Abdul Ahmad. 1997. Konsep dan Falsafah Novel Remaja di Malaysia. Kertas Kerja *Seminar Perkembangan Novel Remaja di Malaysia* yang diadakan di Kuala Lumpur, 12-13 November 1997.
- Brown, P. & Levinson, S. C. 1987. *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cole, L. & Nelson, I. 1970. *Psychology of Adolescence*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Coppock, L. 2005. *Politeness Strategies in Conversation Closings*. (atas talian). <http://www.stanford.edu/~coppock/face.pdf>. (12 Mac).
- Goffman, E. 1967. *Interaction Ritual: Essays on Face to Face Behavior*. New York: Garden City Weitere Literatur.
- Gu, Y. 1990. Politeness Phenomena in Modern Chinese. *Journal of Pragmatics* (2): 232-257.
- Hobbs. A. 2003. *Managing Maintenance Error: A Practical Guide*. London: Ashgate Pub. Ltd.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA). 2005. Kuala Lumpur: Ministry of Culture, Arts & Heritage Malaysia.
- Locher, M. A. 2004. *Power & Politeness in Action: Disagreements in Oral Communication*. The Hague: Mouton.
- Mendoza, M. 2001. *Politeness Strategies in a Language Isolate: The Case of Tarascan*. Atlantic: Florida Atlantic University.
- Mills, S. 2003. *Gender and Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Scollon & Scollon. 1995. *Silence in Intercultural Communication: Perceptions and Performance*. Groningen: John Benjamins Pub.
- Sibarani, L. 2004. *The Imagination of the Main Characters*. Ph.D Thesis. Petra Christian University.
- Watts, R. 2003. *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yule, G. 1996. *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Siti Hajar Che Man, Ph.D
Universiti Sains Malaysia
11800, USM
Pulau Pinang, Malaysia.
e-mail: shajar@usm.my

Munir Shuaib, Ph.D
Universiti Sains Malaysia
11800, USM
Pulau Pinang, Malaysia.
e-mail: munir@usm.my

Razif Muhd, Ph.D
Universiti Sains Malaysia
11800, USM
Pulau Pinang, Malaysia.
e-mail: j.rabimo@gmail.com

Sarjit Kaur, Ph.D
Universiti Sains Malaysia
11800, USM
Pulau Pinang, Malaysia.
e-mail: sarjit @usm.my

